

## Program Art's Street De Pinakol Step Bantu Promosi Tarikan Baru Pelancong Ke UMS

Terakhir dikemaskini: Selasa, 02 April 2019 22:41 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 124

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**SELASA, 2 APRIL** – Penganjuran program Art's Street De Pinakol Step yang bertempat di Pinakol Step, Dewan Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini mampu

mempromosikan lagi Pinakol Step sebagai satu tarikan pelancong untuk melawat dan merakamkan gambar di kawasan tersebut.

Program anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) dengan kerjasama Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) dan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) akan diadakan pada setiap hari Sabtu sebagai usaha menarik perhatian pelancong untuk berkunjung ke Pinakol Step.

Pinakol Step merupakan laluan 138 anak tangga yang dihiasi dengan lukisan corak berasaskan Pinakol, yang merujuk kepada aksesori terpenting sebagai pelengkap kepada pakaian tradisional yang menjadi lambang etnik Rungus di Sabah.

Lukisan tersebut adalah sentuhan oleh 102 pelajar Program Teknologi Seni Visual, FKSW dengan dibantu empat orang pelukis tempatan.

Sementara itu, program Art's Street De Pinakol Step yang dilancarkan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Datuk K Y Mustafa turut menjadi satu titik mula bagi memberi peluang kepada para pelajar UMS untuk menonjolkan karya serta bakat mereka.

Pelbagai aktiviti menjadi pengisian pada acara majlis pelancaran program tersebut, antaranya persembahan koir daripada Bakti Siswa PKPP, persembahan *busking* atau kugiran, persembahan tarian kebudayaan, pameran lukisan, kraf tangan, batik dan demo lukisan, gerai makanan dan minuman, *food truck* dan sebagainya.

Turut hadir pada majlis pelancaran tersebut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Dr. Ismail Ali; Pendaftar UMS, Vina Zahriani Yusof; dan Ketua JHEP, Kamisah Husin.

